

LANTERA

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Edisi Khas 2018

JERANTUT

PENDAR TAMAN NEGARA

*"Walaupun kecil Namun
kami berjiwa besar"*

2018



KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT

m/s
2

"Bilateral TVET International Partnership Programme"
Jerantut & Bera Community College Malaysia to
Tinsulanonda Fisheries College, Thailand

m/s
6

SEMARAK MERDEKA
#SayangiMalaysiaiku

m/s
14

KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI
NEGERI KELANTAN, TERENGGANU
DAN PAHANG 2018

m/s
15

PENSIJILAN EKSA 2018
TAHNAH KKJP!

Sidang Redaksi



Penaung

ISMAIL BIN SAMSUDIN

Penasihat

NORAIHAN BINTI AHMAD@MOHAMAD

Ketua Sidang Redaksi

NUR LIYANA BINTI RUSLI

Ketua Editor

NORSUZILAWATE BINTI ZULKAPLI

Penolong Ketua Editor

AININ FAIZAH BINTI ALIAS

Penulis dan Editor

MOHD AZMAN BIN ROSLI

MOHD REDZWAN BIN ABDUL MUTALIB

AHMAD SABRE BIN OSMAN

SITI NORISIKIN BINTI ABAS

NUR ILYANA BINTI ABDULLAH

NORADILA BINTI AMRUN

NOR AMALINA BINTI ABDULLAH

MOHAMAD AZRI BIN MOHAMMAD

MOHD RIDHWAN BIN CHE' AMAT

EKHSAN HAFIDZAH BINTI SHUHAIMI

MOHD REDZUAN BIN MOHD AZIZ

Grafik dan Susunatur

OSMAN BIN ZOLKIFLI

ROSILAH BINTI KHAIRUDIN

Jurufoto

MOHD SHAHIDAN BIN MOHD ZAIN

Dari Meja Ketua Editor

"Buletin Lentera KKJP Edisi Khas 2018 merupakan satu bukti pencapaian dan kejayaan unggul Kolej Komuniti Jerantut bagi tahun 2018. Kolej Komuniti Jerantut umpama "Lentera" yang membantu menyuluh dan menyinar kehidupan setiap generasi melalui peranannya dalam berkongsi sumber, membekalkan ilmu, kemahiran dan kepakaran serta melaksanakan aktiviti sosial yang dapat menambah nilai kehidupan. Lentera KKJP mampu menjadi wadah yang memberi seribu makna dan kenangan indah selain menjadi buletin yang sentiasa ditunggu-tunggu setiap keluarannya."



*Norsuzilawate Binti Zulkapli
Ketua Editor*

Buletin Lentera KKJP Edisi Khas 2018
diterbitkan oleh :



Kolej Komuniti Jerantut
Kementerian Pendidikan Malaysia
Taman Wawasan
Jalan Jerantut-Temerloh
27000 Jerantut, Pahang.
Tel : 09-2662945 Faks : 09-2662946
Facebook : Kolej Komuniti Jerantut

Buletin Lentera Kolej Komuniti Jerantut



BICARA PENA PENGARAH

MEJ. BERSEKUTU (PA) HJ. ISMAIL BIN HJ. SAMSUDIN *AAP, AMP*
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Baru

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi di atas penerbitan buletin Lentera KKJP Edisi Khas 2018 ini. Sekalung tahniah saya hadiahkan buat warga kerja sidang redaksi di atas kejayaan menerbitkan buletin ini yang diharap dapat menjadi satu medium penyalur maklumat kepada semua. Tidak lupa juga kepada semua warga Kolej Komuniti Jerantut yang turut sama memberi komitmen padu serta kerjasama penuh dalam usaha yang murni ini.

Lentera KKJP Edisi Khas 2018 merupakan wadah yang membicarakan tentang kejayaan, pencapaian dan prestasi unggul yang diraih oleh Kolej Komuniti Jerantut sepanjang tahun 2018. Selain sebagai satu penghargaan kepada semua usaha keras warga Kolej Komuniti Jerantut, ianya juga turut diisi dengan perkongsian ilmu dan kemahiran terkini yang berguna dan bermanfaat sebagai maklumat kepada semua pembaca.

Kolej Komuniti Jerantut komited melangkah bersama bagi meredah cabaran 2018. Dalam usaha memartabatkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kolej Komuniti Jerantut berusaha ke arah merealisasikan 10 lonjakan yang telah digariskan. Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi adalah hasil penglibatan pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan, inovasi dan rekacipta, penyelidikan, penulisan, penerbitan serta kerja-kerja sosial dan projek khidmat masyarakat seterusnya pementapan kemahiran dan teknologi baharu.

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 yang memberi tumpuan kepada pengetahuan, industri dan kemanusiaan, kita memerlukan sinergi yang kuat antara kecerdasan akal fikiran, kreativiti dan keunikan. Revolusi Industri 4.0 secara umumnya melibatkan Internet of Things (IoT) dalam hampir semua aspek kehidupan seharian. Kolej Komuniti Jerantut seupaya mungkin turut melestarikan bidang penyelidikan dan inovasi ke arah Revolusi Industri 4.0. Penyelidikan dan inovasi perlu menjadi amalan dalam kalangan warga Kolej komuniti Jerantut agar dapat memberi nilai tambah dan manfaat yang berterusan.

Kolej Komuniti Jerantut turut menumpukan perhatian yang serius terhadap latihan keusahawanan kepada pelajar dan kakitangan. Pelbagai inisiatif diambil bagi membangunkan bakat mereka melalui penyertaan pelbagai pertandingan keusahawanan. Pelan tindakan ini semestinya dirancang sebaik mungkin bagi melahirkan pelajar dan kakitangan berwibawa, berfikiran kritis, dapat bersaing dengan sihat dan memberi tumpuan lebih kepada tindakan. Oleh itu, adalah tidak diragui bahawa konsep "keusahawanan padu" telah diterapkan dalam setiap diri pelajar dan kakitangan Kolej Komuniti Jerantut.

Akhir kata, saya mengharapkan Kolej Komuniti Jerantut mampu menjadi sebuah institusi latihan kemahiran yang terbaik selari dengan keperluan industri dan pendidikan yang boleh memimpin dan memacu kepada pembangunan masyarakat menepati standard global.

Sekian terima kasih, dan selamat membaca.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

ISI KANDUNGAN

I	Sidang Redaksi
I	Dari Meja Ketua Editor
II	Bicara Pena Pengarah
01	Sepintas Lalu
01	Maklumat Korporat
01	Pengurusan Kolej

LAPORAN UNIT (AKADEMIK)

02-03	Unit Akuakultur
04-05	Unit Pemprosesan & Kawalan Mutu Makanan
06-08	Unit Pengajian Am

9-11 Laporan Kursus Pendek

LAPORAN UNIT (SOKONGAN AKADEMIK)

13	Unit Hal Ehwal Pelajar
14-15	Unit Peperiksaan & EKSA
16	Unit Pengambilan
17-18	Unit Kolaborasi & Hubungan Industri
19-20	Unit Keusahawanan
21-22	Unit Latihan & Pembangunan Staf
23	Unit Penerangan
24	Unit Pentadbiran
25	Unit Pengurusan Maklumat dan Korporat
26	Unit Kualiti
27	Unit Sukan
28	Unit Inovasi

25	Artikel Sumbangan
----	-------------------



LATAR BELAKANG KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Kolej Komuniti Jerantut mula beroperasi pada 3 Januari 2012. Kolej ini terletak di Taman Wawasan, Jalan Jerantut-Temerloh serta lokasi strategik yang hanya 3 kilometer dari Bandar Jerantut dan bersebelahan dengan Masjid Besar Jerantut. Prasarana yang disediakan boleh menampung pelaksanaan dua kursus iaitu Kursus Sijil Akuakultur dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan.

Kolej Komuniti Jerantut ditubuhkan untuk memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir. Bagi golongan setempat pula, kolej ini berperanan memberi pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus pendek yang ditawarkan. Lulusan Kolej Komuniti berpeluang untuk mengisi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang-bidang kemahiran yang berkaitan atau membuka perniagaan sendiri.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Kolej Komuniti Jerantut menawarkan program sepenuh masa iaitu

- a) Sijil Akuakultur
- b) Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan

VISI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

MISI

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat;
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang;
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



Penulis: Siti Norisikin Binti Abas (Ketua Program Akuakultur)

PENGANTARABANGSAAN TINSULANONDA FISHERIES COLLEGE, SONGKHLA, THAILAND

Lawatan Sambil Belajar perkembangan industri akuakultur Negara Thailand khususnya dalam penyelidikan dan penglibatan masyarakat

Kerjasama ini terhasil daripada penjanjian *Framework of Cooperation: Sea Tvet Harmonisation and Mobility Workshop* yang telah di tandatangani pada 1 dan 2 Jun 2016 di Brunei International Convention Center oleh Pengarah Kolej Komuniti Jerantut. Rentetan daripada itu, seramai 4 orang pensyarah iaitu daripada Kolej Komuniti Jerantut dan Kolej Komuniti Bera telah melawat TFC pada 31 Oktober – 6 November 2016 dan 11 – 17 September 2017.

Program ini seterusnya melibatkan 10 orang pelajar Sijil Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut bersama seorang pensyarah pengiring telah berlepas ke TFC, Songkhla Thailand pada 24 Ogos 2018 sehingga 30 Ogos 2018. Terdapat banyak program berkaitan PdP yang dapat dipelajari oleh Pelajar Sijil Akuakultur iaitu antaranya pembenihan ikan keli, amali melihat Kualiti Air di Kolam, Pembenihan udang galah dan lawatan ke beberapa tempat seperti Kawasan Perikanan di Songkhla, Thailand.

IMPAK PROGRAM

1

Mengukuhkan pengetahuan pelajar tentang industri akuakultur terutamanya dalam teknologi penyelidikan dari negara Thailand.

2

Mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris melalui interaksi dua hala pelajar KKJP bersama pelajar Tinsulanonda Fisheries College.

3

Meningkatkan keyakinan diri pelajar apabila berinteraksi dengan masyarakat luar.



Penulis: Siti Norisikin Binti Abas (Ketua Program Akuakultur)

PERTANDINGAN VIVARIUM PERINGKAT KEBANGSAAN DI MAEPS, SERDANG MAHA 2018

Tempat Ke-2

1. KKJP dilantik sebagai wakil Negeri Pahang yang turut disertai oleh 13 IPT lain yang menawarkan program akuakultur.
2. Dekorasi vivarium yang meningkatkan kemahiran pelajar dan pensyarah

Pertandingan ini hanya terhad kepada satu wakil penyertaan daripada setiap negeri di Malaysia. Penyertaan ini adalah dipilih sendiri oleh Jabatan Perikanan Malaysia sebagai salah satu usaha memperkenalkan dan memupuk minat pelajar di dalam bidang Akuakultur.

Penyertaan ini hanya terbuka kepada institusi yang menawarkan program Akuakultur. Pelajar Sijil Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut telah memenangi Naib Johan bagi keseluruhan penyertaan dan membawa pulang baucar, pingat dan hamper.

Tahniah diucapkan kepada pelajar dan pensyarah pengiring iaitu En . Mohamad Azri Bin Mohammad dan Jason Choy Min Sheng

“Pelajar berkeyakinan untuk menonjolkan kemahiran yang dipelajari seterusnya memperkenalkan Program Akuakultur kepada pengunjung MAHA 2018”.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR

ANJURAN FOOD EXPERT CLUB

Penulis: Ekhsan Hafidzah Bte Shuhaimi (Penasihat Kelab Food Expert)

Program ini telah berjaya memberi impak berkesan kepada pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan melalui pendedahan secara langsung berkenaan teknik dan teknologi pemprosesan makanan yang terkini. Selain itu, hubungan kerjasama di antara industri dan Kolej Komuniti Jerantut terjalin erat bilamana industri berminat untuk mengambil pelajar bagi menjalani latihan industri.



Senarai
Industri

- ☐ Noraini Cookies Worldwide Sdn. Bhd.
- ☐ Fidani Chocolatier Sdn. Bhd.
- ☐ Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)



Peserta membuat lawatan di Fidani Chocolatier Sdn.Bhd. dan telah diberi pendedahan tentang teknologi pembuatan coklat dan alatan mesin yang digunakan.



Peserta sempat membeli beraneka jenis biskut di galeri Noraini Cookies Worldwide Sdn. Bhd. Di sini peserta didedahkan berkenaan teknologi pembuatan biskut berskala industri.



Objektif program ini adalah untuk

Memberi pendedahan kepada pelajar Pemprosesan & Kawalan Mutu Makanan tentang teknik dan kaedah pemprosesan makanan yang terkini sekaligus membantu dalam proses PdP di kolej.

Menjalinkan hubungan secara tidak langsung antara pihak kolej dan pihak industri.

Pemindahan ilmu dan kepakaran dari industri kepada pelajar Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Jerantut.



KURSUS *GOODS PACKAGING AND CARTONING*

Penulis: Ahmad Sabre Bin Osman
(Ketua Program SPK)

Tarikh :28-30 OGOS 2018

Tempat : Makmal Komputer KKJP

Penceramah : Malaysia Design Development Centre (DDEC)

Kursus ini dilaksanakan berdasarkan senarai abiliti yang telah diisi oleh pensyarah-pensyarah bidang berkaitan. Senarai peserta dikeluarkan berdasarkan purata ability 3.0 ke bawah. Berdasarkan analisis menggunakan pendekatan CUDBAS kursus ini dapat merapatkan jurang kemahiran pensyarah – pensyarah bidang yang berkaitan. Secara tidak langsung akan meningkatkan purata skor abiliti dan mengurangkan sisihan piawai (gap) pensyarah – pensyarah tersebut.

Objektif kursus ini adalah untuk

1 Pensyarah didedahkan untuk membuat lakaran kotak dan menghasilkan rekabentuk perlabelan produk dengan menggunakan perisian Adobe Illustrator

Meningkatkan pengetahuan pensyarah Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dalam subjek SPK 1033 Pembungkusan dan Perlabelan makanan.

IMPAK!

“Pensyarah telah berjaya menghasilkan lakaran rekabentuk pembungkusan produk dan membuat model pembungkusan produk menggunakan perisian Adobe Illustrator”



Peserta sedang membuat rekabentuk pembungkusan produk masing-masing menggunakan perisian Adobe Illustrator



Penceramah menunjukkan cara-cara memotong kotak produk yang telah dicetak



Peserta bersama hasil kotak pembungkusan produk masing-masing

SEMARAK MERDEKA 2018 #SayangiMalaysiaku

Penulis: Ahmad Sabre Bin Osman (Ketua Program SPK)

Program Semarak Merdeka 2018 dan Sambutan Hari Malaysia Peringkat Kolej Komuniti Jerantut dianjurkan sempena Bulan Kemerdekaan Malaysia. Program ini telah berjaya memupuk jiwa merdeka dalam diri setiap peserta program betapa bertuahnya diri dapat meraikan hari yang penuh



Pengarah KKJP tidak ketinggalan untuk turut mendeklamasikan sajak

kebesaran kerana dengan perpaduan yang dijamin semua masyarakat hidup dalam suasana yang aman harmoni. Semua peserta berkongsi kegembiraan menyambut Hari kemerdekaan bersama-sama dengan pelbagai pengisian aktiviti yang dapat menyemarakkan semangat patriotik dan kecintaan kepada tanah air.



Semua peserta penuh semangat menjayakan program Semarak Merdeka KKJP 2018.

“Menyemai dan memupuk nilai patriotisme serta semangat kecintaan kepada negara dan bangsa”



Tarikh

15/8-13/9 2018




Tempat

**KKJP & ADTEC
Jerantut**



Aktiviti

**Pentomin, Deklamasi
Sajak, Nyanyian
Patriotik, Pertandingan
eBanner Merdeka,
Kahoot**



Kerjasama

**Pertandingan
Mewarna Semangat
Patriotik Bersama SK
Temin Jerantut**



**Persembahan
Istimewa**

**Deklamasi sajak
oleh Pengarah KKJP**



Peserta projek CSR Pembinaan Tapak Perhimpunan dan Landskap Taman bersama pensyarah penyelia Pn Norsuzilawate Binti Zulkapli



Acara Penyerahan Tapak Perhimpunan disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Jerantut Major Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin Hj Samsudin

Projek CSR yang dirancang oleh pelajar-pelajar Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (Semester 1) Kolej Komuniti Jerantut di bawah Kelab Sukarelawan ini merupakan satu aktiviti projek khidmat masyarakat (CSR) bagi menaiktaraf dan menceriakan perkarangan bangunan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Tunas Murni, Bandar Jerantut.

Antara projek yang terlibat adalah pembinaan tapak perhimpunan, kerja pertukangan bangku taman dan kerja-kerja menceriakan landskap seperti penanaman pokok hiasan, membersihkan halaman dan mengecat.

Projek CSR ini berlangsung bermula 8 September 2018, dan Majlis Penyerahan Tapak Perhimpunan telah disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Jerantut Major Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin Hj Samsudin pada 14 September 2018. Turut hadir adalah Pengerusi PPDK Tunas Murni Encik Tahar Bin Musa dan wakil JKM Encik Anuarull Bin Abd Rahim.

“Menanamkan semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar di samping membantu masyarakat melalui aktiviti sukarelawan”.

PROJEK CSR

PEMBINAAN TAPAK PERHIMPUNAN DAN LANDSKAP TAMAN

di Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Tunas Murni Jerantut

Penulis: Norsuzilawate Binti Zulkapli (Penasihat Kelab Sukarelawan)



Peserta CSR melaksanakan kerja-kerja pembinaan tapak perhimpunan, menanam pokok-pokok hiasan dan mengecat bangku taman untuk menceriakan perkarangan PPDK Tunas Murni, Jerantut

POWER UP your ENGLISH

**24-25
SEPT
2018**

Writer: Nur Liyana Binti Rusli (English Lecturer)

"The main objectives of this programme are to develop students' confidence and increasing their motivation level in using English language through fun activities"

Kahoot!

ACTIVITY

1prize WAN
MOHAMAD AMIDI
BIN WAN IZMI



**Master Chef
KKJP**

1prize CHEF OF
WARRIOR



**ENGLISH
TREASURE HUNT**

1prize COLLEGE
DESTROYER



**KKJP GOT
TALENT**

1prize MOHAMAD
HAZIQ FAKHRULLAH
BIN HAIRUL ASHAR

Students' participation were surprisingly encouraging and students' attendance was really impressive. This programme was successful and has achieved its objectives. Participants gave their full commitments and this programme is even more meaningful with all the students gain knowledge throughout this programme. In the future, this programme could be extended to a longer period of time with more activities and involvement of more students.



"POWER UP YOUR ENGLISH 2018 programme comprises of four main segments namely LET'S KAHOOT, MASTERCHEF KKJP, TREASURE HUNT and KKJP GOT TALENT"

PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) BAGI TAHUN 2018 KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Penulis: Noraihan Binti Ahmad@Mohamad (Timbalan Pengarah Akademik)

Pendidikan Islam Sepanjang Hayat merupakan inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat PSH.

Objektif pelaksanaan PISH ialah:

- ☐ Memberikan kesinambungan Pendidikan Islam yang berterusan kepada masyarakat.
- ☐ Memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada golongan sasaran seperti pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad, belia dan komuniti.

Ini bermakna golongan sasaran mendapat Pendidikan Agama Islam secara berterusan di samping memperoleh ilmu kemahiran bagi menjana pendapatan seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat.

Kolej Komuniti Jerantut komited melaksanakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

Bagi **tahun 2018**,
sebanyak **9**
kursus telah
dilaksanakan yang
melibatkan **146**
orang peserta
yang terdiri daripada
pelajar maahad,
pusat tahfiz dan
sekolah agama di
sekitar Jerantut.

Pencapaian ini telah melebihi KPI yang ditetapkan.



Kursus
Agama dan Fardhu Ain



Tarikh
24 Mac 2018



Peserta
Guru-guru KAFA



Tempat
Kolej Komuniti Jerantut



PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) BAGI TAHUN 2018 KOLEJ KOMUNITI JERANTUT



Kursus
Keusahawanan



Tarikh
13 Oktober 2018



Peserta
Madrasah Darul Umum
Sg Salan & Maahad
Dirasat Diniyyah
Jerantut



Tempat
Kolej Komuniti Jerantut



Kursus
Penghasilan Roti Ban
Manis & Butter Cake



Tarikh
28 Oktober 2018



Peserta
Madrasah Darul Umum
Sg Salan



Tempat
Makmal Bakeri
Kolej Komuniti Jerantut



Kursus
Microsoft Power Point



Tarikh
1 November 2018



Peserta
SMA Kota Gelanggi 3



Tempat
Makmal Komputer
Kolej Komuniti Jerantut



KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

CAPAI PENYERTAAN

Penulis: Noraihan Binti Ahmad@Mohamad (Timbalan Pengarah Akademik)

KURSUS PENGHASILAN SOS PENCICAH

Tarikh : 14 OGOS 2018
Peserta: PEGAWAI & PELATIH
PLKN MARAN



1452

87
KURSUS

Peserta

KPI
1260

KURSUS PENDEK PENGHASILAN CUP CAKE

Tarikh : 2 OGOS 2018
Peserta : SMK JENGKA PUSAT 2



KURSUS KEK VIRAL

Tarikh : 21 April 2018



KURSUS KEMAHIRAN QUICK WIN KEMAS (PEMROSESAN MAKANAN SEJUK BEKU)

Tarikh : 21-23 Feb 2018



Penulis: Nur Ilyana Binti Abdullah (Pegawai Pembangunan Pelajar)

MSK JUN 2018

**Tarikh****27-29 JUN 2018**

Program Minggu Suaikenal (MSK) adalah satu program khusus yang diadakan untuk pelajar baharu bagi setiap ambilan. Pihak kolej adalah diwajibkan menjalankan program ini kepada pelajar Sijil Kolej Komuniti. Program ini hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sehari selepas Pendaftaran pelajar baharu.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar baharu tentang sistem kolej komuniti. Pelaksanaan program adalah melalui pelbagai taklimat seperti Taklimat Timbalan Pengarah, Taklimat Peperiksaan, Taklimat Pembangunan Pelajar (disiplin, kebajikan, insurans, kelab), Taklimat Unit serta aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian.

"Program ini dapat menambah pengetahuan pelajar tentang sistem pengurusan kolej komuniti disamping dapat melahirkan pelajar yang berkeyakinan dan bermotivasi tinggi khususnya sepanjang pengajian di kolej"

MSK DIS 2018

**Tarikh****4 – 6 DEC 2018****OBJEKTIF MSK**

- ❑ Memberi pendedahan tentang sistem Kolej Komuniti Jerantut kepada pelajar baharu.
- ❑ Meningkatkan keyakinan dan motivasi pelajar untuk belajar di Kolej Komuniti Jerantut.
- ❑ Mengeratkan silaturahim antara pensyarah dan pelajar.

**MINGGU
SUAIKENAL****PELAJAR BAHARU
SESI JUN DAN DISEMBER 2018****KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT**



Penulis: Nur Ilyana Binti Abdullah (Pegawai Pembangunan Pelajar)

MAJLIS PELANCARAN BRIGED SUKARELAWAN KOLEJ KOMUNITI **BrISK** PERINGKAT NEGERI PAHANG

Kolej Komuniti Pekan selaku pengerusi BrISK Negeri Pahang telah diamanahkan untuk menganjurkan majlis pelancaran untuk Negeri Pahang bagi memberi nafas baharu kepada BrISK. Program ini dirasmikan oleh Tuan Hj. Wan Mohamad Nasir Bin Wan Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti.

AKTIVITI UTAMA



Pertandingan Kutip
Sampah Terbanyak



Pertandingan Mengecat
Longkang V-Shape

BJEKTIF



Memenuhi teras kedua BrISK antaranya melibatkan pelajar dengan aktiviti kesukarelawan gotong-royang melalui pembersihan pantai.

Mendidik pelajar terlibat mengenai pentingnya konservasi alam sekitar

Membina ukhwah sesama pelajar kolej komuniti negeri Pahang

Mewujudkan jalinan kerjasama kolej komuniti dengan agensi luar yang terlibat dalam menjayakan program



Tarikh
27 SEPT 2018



Tempat
PANTAI AIR
LELEH, PEKAN

Penulis: Noradila Binti Amrun (Pegawai Peperiksaan)



Acara raptai Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang 2018 telah berlangsung pada 14 Julai 2018 dan majlis rasmi adalah pada 15 Julai 2018. Seramai 109 pelajar Kolej Komuniti Jerantut yang layak bergraduasi pada Majlis Konvokesyen pada tahun 2018. Semua staf Kolej Komuniti Jerantut terlibat dan berpadu tenaga bagi menjayakan majlis konvokesyen yang gilang-gemilang ini.

Muhammad Ghazni Bin Mohd Salleh Pelajar Sijil Akuakultur telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang bagi Majlis Konvokesyen

Majlis

KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI

NEGERI KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG 2018



Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang 2018 yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan Jeli, Kelantan.

Majlis ini telah dapat memberikan pengalaman yang indah dan bermakna kepada pelajar yang berjaya dan sebagai menghargai kejayaan mereka dan pembuka semangat kepada kecemerlangan pada masa hadapan.

Melahirkan rasa teruja dan bangga di kalangan semua pihak khususnya para jawatankuasa majlis di atas segala keringat yang dicurahkan bagi memastikan perjalanan majlis yang lancar dan baik.





Penulis: Noradila Binti Amrun
(Penyelaras EKSA)

Pensijilan EKSA 2018



AKTIVITI

Taklimat Kesedaran, Gotong-Royong, Kempen, Promosi, Pertandingan Mencipta Logo



AUDIT Dalam



5 ELEMEN

Amalan ke arah persekitaran kerja yang kondusif



OBJEKTIF EKSA



Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif



Meningkatkan disiplin diri dan semangat kerja berpasukan



Penekanan kepada amalan hijau



Mewujudkan budaya kerja ceria, efektif dan inovatif

“Ekosistem Kondusif Pemangkin Produktiviti”

Pengambilan Pelajar

Sesi Jun Dan Disember 2018

Penulis: Nor Amalina Binti Abdullah (Pegawai Pengambilan)

42

Sijil Pemprosesan
Dan Kawalan Mutu
Makanan



23

Sijil Akuakultur



ENROLMEN
PELAJAR

Sesi Jun 2018
SPK 33
SAR 23

Sesi Dis 2018
SPK 9
SAR -

OBJEKTIF

“Mendaftar pelajar baharu dengan sistematik dan memberi bantuan semaksima mungkin kepada semua pelajar baharu dan ibu bapa sepanjang proses pendaftaran berlangsung”

Pendaftaran pelajar baharu bagi Ambilan Perdana telah diadakan pada 26.06.2018. Manakala pendaftaran pelajar baharu Sesi Disember 2018 diadakan pada 03.12.2018. Kebanyakan pelajar yang mendaftar datangnya dari Pahang, Kelantan, Selangor, Terengganu dan lain-lain lagi. Proses pendaftaran berjalan lancar di mana semua pelajar dapat menyelesaikan sesi pendaftaran sebelum jam 12 tengahari. Taklimat Pengarah bersama ibu bapa diadakan bagi memberi gambaran yang jelas tentang latar belakang kolej serta halatuju pelajar selepas tamat pengajian nanti. Proses pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan dengan baik hasil dari kerjasama semua warga Kolej Komuniti Jerantut.

Majlis Dialog Bersama Industri Kolej Komuniti Jerantut 2018

9 Oktober 2018



Penulis: Nur Liyana Binti Rusli (Pegawai Perhubungan Industri & Alumni)



Ken Farm Sdn Bhd



Greeny Aquaculture
Sdn Bhd



Maahad Dirasat
Diniyyah (Madad)



Anakdol Piza



Jabatan Perikanan
Daerah Jerantut



Madrasah Darul Uloom Al
Islamiyyah Sungai Salan,
Jerantut



Pertubuhan Pemulihan Dalam
Komuniti (PPDK) Tunas Murni,
Jerantut

Program ini bertujuan untuk memantapkan kolaborasi melalui perkongsian idea, pengalaman dan pandangan antara industri, pelajar dan kolej komuniti.

Sesi Dialog bersama Pejabat Perikanan Daerah Jerantut dan Anakdol Piza telah diadakan bagi sesi perkongsian maklumat serta majlis menandatangani sijil Rakan Strategik bersama industri dan agensi bagi tahun 2017 dan 2018. Pihak JobsMalaysia Pahang juga telah dijemput bagi slot taklimat kerjaya bersama pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jerantut.



“Program ini telah memberi impak kepada pelajar dan kolej dalam membantu meningkatkan graduan yang berkualiti daripada segi teori dan teknikal di samping menyediakan platform kepada pihak industri untuk bekerjasama dalam memastikan graduan yang dihasilkan kelak memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan berdaya saing.”

CERAMAH KERJAYA

dan permulaan ke arah menjadi

USAHAWAN MUDA

bersama alumni KKJP

Penulis: Nur Liyana Binti Rusli (Pegawai Perhubungan Industri & Alumni)

Ceramah Kerjaya dan Permulaan ke Arah Menjadi Usahawan Muda Bersama Alumni KKJP merupakan satu program yang bertujuan untuk memberi peluang dan sokongan kepada semua pelajar bagi mendalami ilmu keusahawanan melalui perkongsian pengalaman dari seorang usahawan yang merupakan alumni Kolej Komuniti Jerantut. Cik Che Salsabila Binti Che Hussin merupakan pengurus syarikat A&A Keropok Enterprise dan mengusahakan keropok lekor ikan patin yang terkenal di daerah Jerantut. Beliau merupakan graduan dalam bidang Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan yang menamatkan pembelajaran di Kolej Komuniti Jerantut pada sesi Oktober 2016.

Melalui pengalaman jatuh bangun dalam dunia keusahawanan, Che Salsabila berkongsi bagaimana mendapat idea untuk memulakan perniagaan, modal yang diperlukan, perancangan perniagaan, plan pemasaran yang dibuat, cabaran-cabaran yang dihadapi dan sumber-sumber bantuan perniagaan. Beliau turut memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada pelajar-pelajar untuk berani menceburi bidang perniagaan.

Program ini dilihat telah berjaya membudaya dan mengukuhkan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar di samping dapat mengeratkan hubungan kolej dengan alumni melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman mereka untuk dijadikan panduan.



Tarikh
15 Mei 2018



Tempat
Kolej Komuniti Jerantut



Penceramah
Che Salsabila Bt Che Hussin Alumni KKJP



Cik Salsabila bersama moderator program Pn Noradila Amrun



Produk-produk keluaran A&A Keropok Enterprise; Bebola Ikan Patin, Keropok Lekor Ikan Patin dan Keropok Segera Ikan Patin



Tersenarai Finalis

THE BEST 20 OUTSTANDING GROUPS

“Young SocialPreneur Programme (YS2P 2.0) 2018”

Penulis: Norsuzilawate Binti Zulkapli (Pegawai Keusahawanan)

Penyertaan Kolej Komuniti Jerantut dalam “Young SocialPreneur Programme (YS2P) 2.0” diwakili pasukan Aqua Biz yang terdiri daripada 10 orang pelajar Sijil Akuakultur dan dibantu oleh 2 orang mentor telah berjaya melaksanakan projek Keusahawanan Sosial melalui penganjuran **“Pertandingan Memancing Amal”**. Menyedari kepentingan peranan belia di dalam masyarakat, pasukan Aqua Biz berjaya membantu Maahad Dirasat Diniyyah (Madad) Jerantut, Pahang dalam menyelesaikan masalah pusat pengajian ini untuk mengumpul dana bagi membina kolam ikan air tawar di atas tanah yang telah disumbangkan kepada maahad ini. **“Dari Kolam untuk Kolam”** merupakan satu mesej yang ingin disampaikan melalui moto penganjuran Pertandingan Memancing Amal ini iaitu hasil kutipan daripada aktiviti kolam adalah untuk disumbangkan bagi membantu membina satu kolam yang lain. Projek keusahawanan sosial ini merupakan salah satu bidang pengurusan acara; bermula dengan perancangan, aktiviti promosi, aktiviti jualan, memohon sumbangan dan dana seterusnya menayakan aktiviti.



Pemenang Pertandingan Memancing Amal bergambar bersama Pengarah KKJP dan pasukan AquaBiz

Nilai
sumbangan
RM 9,257.20

kepada
MADAD

Projek Pertandingan Memancing Amal

Tempat
**Kolam Pancing PP
Kg Tebing Tinggi, Jerantut**

Tempoh Projek
April – September 2018

Tersenarai



PATIN CLAYPOT BOSSKOI

tarikan terbaru di JERANTUT

Penulis: Norsuzilawate Binti Zulkapli (Pegawai Keusahawanan)

Pusat Inkubator Keusahawanan Kolej Komuniti Jerantut yang dikendalikan oleh pasukan CCIC (Community College Incubator Classroom) Sesi Julai 2018 telah menjalankan perniagaan Patin Claypot Bosskoi. Pasukan ini terdiri daripada empat orang pelajar yang diketuai oleh Nurhafizah Husna Binti Alumuddin sebagai pengurus syarikat Bosskoi Resources. Sekiranya anda datang ke Jerantut, tidak sah andai tidak bertandang ke Patin Claypot Bosskoi bagi menikmati keenakan masakan Pahang yang sangat terkenal iaitu masakan gulai patin tempoyak. Bezanya di sini, hidangan gulai patin tempoyak dihidang panas di dalam claypot (periuk tanah). Satu set hidangan Patin Claypot Bosskoi yang terdiri daripada gulai patin tempoyak claypot, nasi putih, telur masin, ulaman dan air sirap boleh didapati dengan harga bermula RM5.00, RM10.00 dan RM15.00.



Cara penyediaan menu Patin Claypot Bosskoi :

- Sediakan pes gulai tempoyak, ramuan pes terdiri daripada tempoyak, cili api, dan kunyit hidup. Ramuan dalam kuantiti yang bersesuaian dikisar bersama sehingga halus dan sebat.
- Masukkan pes ke dalam claypot (periuk tanah) bersama ikan patin sangkar sungai Pahang dengan air yang mencukupi.
- Kacau kuah sehingga sebat, masukkan garam, daun kesom, bunga kantan dan biarkan di atas api seketika sehingga masak sempurna.



Reskilling & Upskilling

Kursus Reskilling & Upskilling ini dilaksanakan berdasarkan senarai abiliti yang telah diisi oleh pensyarah-pensyarah bidang Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dan Akuakultur. Senarai peserta dikeluarkan berdasarkan purata ability 3.0 ke bawah. Berdasarkan analisis menggunakan pendekatan CUDBAS kursus ini dapat merapatkan jurang kemahiran pensyarah – pensyarah bidang tersebut. Secara tidak langsung akan meningkatkan purata skor abiliti dan mengurangkan sisihan piawai (gap) pensyarah – pensyarah tersebut.



Kursus Goods Packaging and Cartoning



Bilangan Peserta
7 orang



Tarikh
28-30 Ogos 2018



Tempat
Makmal Komputer
Kolej Komuniti Jerantut



Perbelanjaan
RM6,319.90



Kursus Penternakan Udang Galah Dalam Tangki dan Kolam



Bilangan Peserta
6 orang



Tarikh
13-15 Ogos 2018 (siri 1)
24-26 Sept 2018 (Siri 2)



Tempat
I-Aquas UPM
Port Dickson



Perbelanjaan
RM22,654.67

Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

Latihan dalaman atau dikenali sebagai kursus dalam perkhidmatan (KUDAP) merupakan kursus yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Jerantut sendiri dan dilaksanakan untuk staf pentadbiran Kolej Komuniti Zon Pahang. Penceramah jemputan merupakan seorang Kaunselor berdaftar dan bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Peserta diberi pendedahan dengan konsep keseronokan bekerja dan strategi mencipta keseronokan bekerja. Selain itu, peserta juga perlu menganalisis diri sendiri dan membuat pelan tindakan untuk mencipta keseronokan bekerja.

Kursus Motivasi Diri dan Keseronokan Bekerja Kolej Komuniti Zon Pahang



Bilangan Peserta
35 orang



Tempat
Kolej Komuniti
Jerantut



Tarikh
14 Mei 2018



Perbelanjaan
RM2,000.00

Penulis: Azman Bin Rosli (Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf)

- ❑ Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pensyarah dalam bidang packaging & cartoning.
- ❑ Untuk menyesuaikan pensyarah dengan sistem baru, prosedur dan cara kerja akibat daripada kemajuan teknologi yang menyebabkan perubahan.
- ❑ Menolong pensyarah lama dan pensyarah baru menyesuaikan diri dengan kehendak sesuatu teknologi baru dalam bidang pemprosesan & kawalan mutu makanan.



Peserta merekabentuk pembungkusan produk menggunakan perisian Adobe Illustrator

- ❑ Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pensyarah dalam penternakan udang galah dalam tangki dan kolam.
- ❑ Untuk menyesuaikan pensyarah dengan sistem baru, prosedur dan cara kerja akibat daripada kemajuan teknologi yang menyebabkan perubahan.
- ❑ Menolong pensyarah lama dan pensyarah baru menyesuaikan diri dengan kehendak sesuatu teknologi baru dalam bidang Akuakultur.



Peserta diberi penerangan mengenai perbezaan jantan dan betina induk udang galah

- ✓ Mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan potensi diri dalam konteks kecemerlangan prestasi, motivasi dan keseronokan bekerja.
- ✓ Membentuk sahsiah berkeyakinan diri, re-branding nilai diri menjadi orang baharu.
- ✓ Membentuk rangka tindakan meningkatkan motivasi diri, keseronokan bekerja dan kesetiaan kepada organisasi.



Antara aktiviti yang dilaksanakan peserta Kursus Motivasi Diri dan Keseronokan Bekerja

26 PROGRAM PROMOSI sepanjang 2018

14 PROGRAM Sekolah

8 PROGRAM Agensi Kerajaan

2 PROGRAM Pusat Internet Malaysia

2 HEBAHAN Akbar dan Televisyen

Penulis: Mohamad Azri Bin Mohammad (Pegawai Penerangan)

**Sisipan Akhbar Sinar Harian
Ruangan Kampus
Edisi Pahang
24 Januari 2018**



**Keropok Patin Salsabila
Majalah 3 edisi 12 Mac 2018**



Majalah 3 (2018) | Episod 5

"Hebahan tentang inovasi 2 pensyarah akuakultur KKJP iaitu Betta Easy Care yang membantu penternak ikan laga dalam penjagaan ikan laga dari segi kualiti air dan mengurangkan penukaran air ternakan, dan juga alumni KKJP Cik Salsabila Bt Che Husin yang merupakan usahawan Keropok Ikan Patin terkenal di Jerantut"

AUDIT NAZIRAN

**Dari JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA
PAHANG (JANM)**

1 OKT 2018

Penilaian dijalankan ke atas perolehan bekalan dan kerja secara lantikan terus merangkumi aspek peruntukan, kelulusan, nilai mengikut jenis item, kelayakan dan pemilihan pembekal, pengurusan kontrak dan dokumen-dokumen sokongan serta proses bayaran bagi tempoh Januari 2018 hingga Jun 2018.


Mengkaji, memeriksa dan menilai kawalan pengurusan pembelian terus (bekalan & perkhidmatan)/lantikan terus (kerja) yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Jerantut, bagi tujuan kawalan dalaman, pendedahan kepada risiko dan tahap risiko yang dihadapi Jabatan.



PENGLIBATAN

Puan Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad
Puan Nur Liyana Binti Rusli
Puan Noradila Binti Amrun
Encik Mohd Redzuan Bin Mohd Aziz
Cik Norahiza Binti Fakhruddin

“Kewangan Kolej Komuniti Jerantut berada di tahap CEMERLANG. Namun begitu, Unit Kewangan jabatan perlu memastikan semua prosedur kewangan dipatuhi semasa membuat proses perolehan”



Dokumen-dokumen yang dinilai

SKOP PENILAIAN

**Kawalan Peruntukan
Kelulusan Perolehan
Tatacara Perolehan
Pengurusan Bayaran
Pengurusan Kontrak
Pengurusan Dokumen
(Pemerhatian)**



Sesi penerangan tentang penilaian yang telah dijalankan oleh Pasukan Audit Naziran

Kempen ONE BOOK ONE PERSON

Sempena Kempen Membaca Kebangsaan
Peringkat Kolej Komuniti Jerantut 2018



Tarikh
2 November 2018



Dirasmikan Oleh
Mejar Bersekutu (PA) Hj
Ismail Bin Hj Samsudin
Pengarah
Kolej Komuniti Jerantut



Tempat
Dewan Kuliah,
Kolej Komuniti Jerantut

Penulis: Rosilah Binti Khairudin (Pen. Pegawai Teknologi Maklumat)

Kempen Derma Buku (*One Book One Person*) merupakan program di bawah anjuran Perpustakaan Kolej Komuniti Jerantut.

Program ini bertujuan untuk menambahkan bilangan koleksi buku sedia ada di perpustakaan kolej dengan menggalakan warga kolej untuk menyumbangkan sekurang-kurangnya sebuah buku baru atau terpakai kepada perpustakaan kolej. Perasmian program oleh Pengarah Kolej Komuniti Jerantut Mejar Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin Hj Samsudin melalui gimik pelancaran kotak derma buku dan tayangan video Perpustakaan. Aktiviti melukis mural di dinding perpustakaan turut diadakan sebagai tanda sokongan terhadap kempen membaca.



Peserta lukisan mural bergambar bersama pengarah KKJP dan pensyarah-pensyarah



Pengarah KKJP menyempurnakan acara perasmian "Kempen One Book One Person"

PELAPORAN ePMO 2018

Peratus pencapaian **KPI 2018**

27.8%

Memastikan Graduan TVET Berkualiti

- Tahap kepuasan majikan terhadap graduan
- Kebolehpasaran graduan semasa konvokesyen
- Bilangan peserta PSH bagi setiap institusi

24%

Melestarikan Institusi Kondusif

- Keperluan norma pengambilan dipenuhi
- Penjimatan bayaran bil elektrik
- Prestasi belanja mengurus yang baik
- Pematuhan dalam audit kewangan

8%

Penggayaan Bakat

- Mengikuti program pembangunan bersama industri

8%


Merekabentuk Semula Sistem Pendidikan

- iGot : Kadar pelajar menamatkan pengajian dalam tempoh

20%


Memperkuatkan Perkongsian Industri dan Komuniti

- Kolaborasi aktif dengan industri / agensi
- Program / aktiviti dengan alumni
- Pengaplikasian produk-produk inovasi
- Pemerkasaan penyelidikan



Skor Keseluruhan

“Secara keseluruhannya, Kolej Komuniti Jerantut berupaya untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh JPPKK selaras dengan visi untuk menjadi peneraju TVET yang unggul.”



Penulis: Mohd Ridhwan Bin Che' Amat (Penyelaras Unit Sukan)

KARNIVAL SUKAN TVET PAHANG BARAT 2018

Tarikh
31 Mac - 1 April 2018

Tempat
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Jerantut /
Padang Bola Sepak FA Jerantut

Anjuran



Kolej Komuniti Jerantut telah menganjurkan Karnival Sukan Tvet Pahang Barat 2018 yang mempertandingkan sebanyak 11 buah acara membabitkan penyertaan pelajar seperti bola sepak (L), Futsal (L), bola jaring, badminton (Berpasukan L&W), ping pong (Berpasukan L&W), bola tampar (L&W) dan sepak takraw, Chess, dart, congkak dan carrom yang telah berlangsung pada 31 Mac 2018 hingga 1 April 2018. Karnival Sukan Tvet Pahang Barat 2018 ini adalah kerjasama antara 4 Institusi Tvet berlainan kementerian yang terdapat di Pahang Barat antaranya Kolej Komuniti Jerantut (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia) iaitu selaku penganjur dan peneraju utama, Pusat Latihan Teknologi Tinggi Jerantut (Kementerian Sumber Manusia), Pusat Giatmara Jerantut (Kementerian Kemajuan dan Luar Wilayah) serta penyertaan baru dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (Kementerian Belia dan Sukan).



IMPAK PROGRAM

- Memupuk semangat kesukanan dikalangan pelajar-pelajar institusi kemahiran yang terlibat
- Jalinan kolaborasi dan kerjasama dalam bidang kesukanan di antara 4 institusi kemahiran tinggi yang terlibat
- Kerjasama strategik dalam pertukaran pendapat dari aspek pengendalian sukan di peringkat yang lebih tinggi melibatkan institusi kemahiran dari latarbelakang pelbagai kementerian.
- Pra persediaan kepada atlet-atlet sebelum menempuh kejohanan sukan di peringkat yang lebih tinggi



Penulis: Norsuzilawate Binti Zulkapli (Pegawai Penyelidikan dan Inovasi)

25 PRODUK
INOVASI**PERTANDINGAN
INOVASI DAN REKACIPTA
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JERANTUT 2018****JUARA FISH FEEDS FLAKES**
Mentor: Mohamad Azri Bin Mohammad**NAIB JUARA TEH HERBA CINCAU**
Mentor: Norsuzilawate Binti Zulkapli**TEMPAT KE 3 KORDIAL PERIA & EPAL HIJAU**
Mentor: Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad

"Kolej Komuniti Jerantut supaya mungkin turut melestarikan bidang penyelidikan dan inovasi ke arah Revolusi Industri 4.0. Penyelidikan dan inovasi perlu menjadi amalan dalam kalangan warga Kolej komuniti Jerantut agar dapat memberi nilai tambah dan manfaat yang berterusan"

**15
MEI '18****iNTEP '18**
KOMERSIAL PEMANGKIN INDUSTRI 4.0

RESEPI

CHURROS

Bahan-bahan

250 g air

100 g mentega

125 g tepung gandum

 $\frac{1}{2}$ sudu kecil gula halus

1 cubit garam

1 sudu besar esen

vanilla

3 biji telur

Coklat cair @ gula halus
(hiasan)*Cara*

1. Masukkan air dan mentega di dalam periuk.
2. Masak dengan api sederhana sehingga mendidih.
3. Bila mendidih, perlahankan api.
4. Masukkan tepung yang telah diayak dan kacau dengan cepat sehingga sebatih.
5. Biarkan adunan yang telah siap tadi pada suhu bilik. Bila adunan sudah suam, masukkan telur sebiji demi sebiji dan kacau sebatih.
6. Setelah siap adunan, masukkan ke dalam pipping bag dan terus pipekan ke dalam minyak panas.
7. Goreng di dalam minyak sehingga kekuningan.
8. Hidangkan dengan gula halus atau coklat.

PEMANTAUAN PEMBERSIHAN BANGUNAN, TANDAS, LANDSKAP SERTA PENJIMATAN PENGGUNAAN ELEKTRIK DAN AIR (SMART MONITORING SYSTEM, Smsys) KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Penulis: Mej. Bersekutu (PA) Hj. Ismail Bin Hj. Samsudin (Pengarah Kolej Komuniti Jerantut)

Pengurusan pejabat seharian adalah melibatkan pelbagai jenis pengurusan dokumen termasuklah penggunaan pelbagai jenis borang. Penggunaan borang ini melibatkan kertas yang sangat banyak secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pembaziran dari segi wang tunai, masa, tenaga dan juga penggunaan. Projek ini dihasilkan untuk menambah baik pengurusan dokumen di Kolej Komuniti Jerantut. Idea membangunkan Smart Monitoring System (SMSys) ini dicetuskan daripada kesedaran betapa pentingnya peningkatan sistem pengurusan perkhidmatan melalui teknologi maklumat terkini dan sebagai pemudah cara proses pengurusan dokumen di kolej. Menjalankan pemantau dalam apa juga keadaan adalah penting bagi memastikan kerja-kerja terbabit terlaksana dengan sempurna. Ianya merupakan sebahagian daripada skop tugas pegawai yang dilantik sebagai penyelia. Kaedah pemantauan juga merupakan perkara yang perlu ditentukan bagi memastikan setiap kerja dapat dilaksanakan dengan berkesan. Jadual pemantauan yang terdiri dari nama pemantau yang dilantik, kod lokasi yang perlu dimasukkan dan tempat pemantauan untuk tujuan rujukan. Pegawai yang dilantik hanya menggunakan telefon bimbit masing-masing dan mengambil kurang dari lima minit untuk membuat pemantaun bagi lokasi-lokasi tertentu. Data akan dihantar untuk pengrekodan dan akan dikompil di akhir bulan bagi bulan tersebut. Penggunaan teknologi maklumat terkini dipercayai dapat membantu meningkatkan pengurusan dokumen dengan lebih berkesan, cekap dan menjimatkan. Ianya adalah selaras dengan amalan hijau dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Kaedah yang digunakan adalah membina set soalan menggunakan “google form” samada untuk borang yang perlu diisi bagi tujuan pengrekodan atau pemantauan. Bagi menguruskan data terkumpul untuk tujuan pengrekodan memadai hanya perlantikan Admin tetapi untuk aktiviti pemantauan, Admin dan Penyelia atau pemantau akan dilantik beserta kod lokasi. Ianya adalah untuk proses pengrekodan Jadual pemantauan meliputi maklumat berikut iaitu, nama penyelia, lokasi pemantauan dan kod lokasi akan disediakan. Melalui set soalan yang dibina, maklumat akan direkod dan dikompil melalui penghantaran borang secara atas talian menggunakan google form. Begitu juga dengan aktiviti pemantauan, dengan membangunkan set soalan pemantauan menggunakan google form, penyelia akan diminta melaksanakan pemantauan hanya menerusi telefon bimbit. Bagi pemantauan kebersihan tandas dan bangunan, soalan yang dibina adalah mengikut persetujuan kontrak yang telah ditandatangani. Pemantau hanya mengambil masa tidak sampai lima minit (mengikut lokasi) dan data pemantauan akan dihantar kepada admin untuk dikompil. Data yang dihantar memberi maklumat lengkap seperti nama pemantau, masa pemantauan dan maklumat yang perlu untuk penambahbaikan. Begitu juga untuk pemantauan penggunaan elektrik dan air bagi tujuan penjimatan. Kaedah yang sama digunakan dan hasilnya penggunaan elektrik dan air akan dibuat perbandingan mengikut bulan. Aktiviti ini sekaligus menyemai sikap yang murni di kalangan pegawai kolej komuniti dalam memastikan penggunaan bil elektrik dan air secara berhemah. Pegawai yang berlainan akan dilantik untuk tujuan pemantau ini dan jadual pemantauan akan disediakan meliputi maklumat nama penyelia, lokasi pemantauan dan kod lokasi.

Ibu Bekerjaya Pun Boleh Bergaya, *Sihat dan Ceria*



Amalkan pada setiap pagi apabila bangun daripada tidur, minum segelas air suam. Sebelum ke tempat kerja atau sebelum sarapan pagi, minum lagi segelas air suam. (Jika ada ibu-ibu yang mengambil pil supplement pun boleh masa ini)

Solekan ringkas ke tempat kerja, mudah sahaja. Lakukan dengan hanya 5 langkah di bawah :

- i) Sapukan Moisturiser ke seluruh wajah untuk melembapkan kulit.
- ii) Gunakan alas bedak (foundation) mengikut tona warna kulit masing-masing.
- iii) Dengan menggunakan facebrush, ratakan dengan bedak kompak (compact powder) di seluruh wajah. **Jika ada kesan jerawat, parut lama, lingkaran gelap bawah mata, boleh guna concealer dahulu untuk menutup kesan-kesan tersebut.
- iv) Gunakan pensel warna kening (eyebrow pencil) tona warna coklat gelap, lukiskan dan kemaskan kening.
- v) Akhir sekali, oleskan gincu bibir warna yang bersesuaian. Siap!



Di tempat kerja, pastikan ada botol air anggaran isipadu 1-2 liter, minum setiap 1 jam sekali hingga habis air kosong tersebut sehingga 5.00 petang.



Pulang dari tempat kerja, dengan suasana santai di rumah, lakukan senaman ringkas 10 – 20 minit, atau riadah petang sekitar 30 minit.

Sekian, pasti tidur lena dan keesokan harinya, bangun tidur dengan ceria!



Penulis Artikel:

Noradila Binti Amrun

2018

